

BERITA HARIAN online

TNB, Nur Insafi tunjuk gah

Oleh Azizan Hashim
2011/01/08

KLHC, UniKL turut catat kemenangan ke atas lawan

TENAGA Nasional Berhad (TNB) seperti dijangka meraih mata penuh ketika bertemu UiTM namun pendahulu Liga Perdana Liga Hoki Malaysia (MHL) itu terpaksa bekerja keras sebelum menang 3-2 di Stadium Sultan Azlan Shah, Ipoh semalam.

Tampil dengan nama-nama besar berbanding lawan yang tidak memiliki khidmat pemain bintang, TNB mendahului 2-0 apabila Tajol Rosli membuka jaringan seawal minit kelima diikuti jaringan Mahinder Singh, 14 minit kemudian.

Begitupun, UiTM yang bermain dengan semangat juang tinggi merapatkan jurang melalui Faheed Saifullah hasil pukulan sudut penalti pada minit ke-44.

Namun usaha UiTM mencari gol penyamaan dalam usaha mencari mata pertamanya tidak berhasil, sebaliknya TNB menemui sasaran melalui jaringan Muhamad Fikri Bassar pada minit ke-59.

UiTM merapatkan jurang melalui Eldon Lemery pada babak terakhir permainan.

Kini selepas mengalami tiga kekecewaan, skuad kendalian Ahmad Tarmizy Mohamed berharap mampu melakukan sesuatu apabila turun bertemu Yayasan Negeri Sembilan (YNS), petang ini.

Sementara itu, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) terus memberi tekanan kepada TNB apabila melepasi halangan dengan menundukkan ATM Airod 3-1.

Namun jangkakan KLHC akan mudah meratah lawannya selepas dua kemenangan besar sebelum ini, meleset berikutan persembahan di bawah tahap sebenar dengan dua jaringan Chua Boon Huat dan Mohd Razie Abdul Rahim.

Terdahulu, Ahmad Ridzuan Zainal Abidin menyamakan kedudukan untuk Airod. Nur Insafi juga merencanakan persaingan apabila melakar kejayaan ketiga dengan menjinakkan Maybank 2-0.

Dalam satu perlawanan lain, UniKL menewaskan Sapura 2-1.
